MENDULANG HIKMAH (SIRI 2)

RINGKASAN HUKUM QADA' PUASA IBU HAMIL DAN IBU YANG MENYUSU.

Diringkaskan daripada Risalah *Hukm Qada' al-Shaum lil Hamil wa al-Murdhi', Dairah al-Ifta' al-'Am*, Jordan.

IKON SYABAB

CATATAN

ABDUL HAKIM BIN OTHMAN

-SEMOGA ALLAH MENGAMPUNINYA DAN KEDUA IBU BAPANYA-

بسم الله الرحمن الرحيم

1. Puasa adalah suatu ibadah yang besar kedudukannya dalam Islam,
   Sebagaimana Firman Allah Ta'ala dalam Surah al-Baqarah:183 dan hadis riwayat al-Bukhari.
2. Bahkan, Allah SWT telah mengkhususkan bahawa ganjaran Ibadah Puasa adalah milikNya dan Dia yang menentukanNya.
3. Qada' atau menggantikan sesuatu ibadah adalah suatu perkara yang disyariatkan dalam Islam.
4. Tujuan dan maksud Qada' adalah menggantikan ibadah pada waktu lain kerana tidak mampu melakukan ibadah tersebut pada waktu yang ditetapkan.
5. Qada' Puasa adalah bermaksud menggantikan puasa pada hari di luar bulan Ramadhan kerana meninggalkan puasa pada bulan Ramadhan. Dalilnya Firman Allah Ta'ala dalam surah al-Baqarah:184.
6. Hukum Asal berpuasa bagi ibu yang hamil dan penyusu adalah wajib, jika kesukaran yang ada adalah tabiat biasa orang berpuasa yang boleh

IKON SYABAB

ditanggung dan tidak memudharat ibu atau janin, **maka haram bagi mereka berbuka.**

7. Jika dibimbangi, samada ibu yang hamil atau ibu yang menyusukan anak akan berlaku mudharat atau kesukaran yang tidak mampu ditanggung kerana menahan daripada makan dan minum, atau tidak dapat mengambil ubat-ubatan tertentu, atau mendapat nasihat daripada pakar perubatan yang dipercayai (*thiqah*), **maka diharuskan berbuka dan diwajibkan qada' serta tidak memadai baginya membayar fidyah bagi menggantikan puasa qada'.**
8. Sekiranya Ibu yang hamil atau ibu yang menyusukan anak meninggalkan puasa kerana bimbang akan keadaan janin atau anak yang disusukan, **maka diwajibkan ke atas mereka untuk mengqada' puasa untuk bilangan hari yang ditinggalkan serta membayar fidyah bagi bilangan hari yang ditinggalkan puasa.**
9. Kadar Fidyah adalah satu (1) cupak makanan asasi bagi satu hari yang ditinggalkan, dianggarkan satu cupak dengan 600 gram. (Rujuk Jabatan Agama setiap Negeri) Dan orang yang melebihkan bayaran, semoga Allah menambahkan ganjaran kebaikannya.
10. Jika ibu yang hamil atau wanita yang menyusu meninggalkan puasa kerana bimbang akan diri

IKON SYABAB

mereka sahaja atau diri dan janin atau bayi yang disusukan, **maka diwajibkan qada' sahaja.**

Situasai	**Qada'**	**Qada' dan Fidyah**
Meninggalkan puasa kerana bimbang diri Ibu sahaja.	/	
Meninggalkan puasa kerana bimbang akan janin atau bayi sahaja.		/
Meninggalkan puasa kerana bimbangkan ibu dan janin atau bayi.	/	

Jadual (1)

11. Niat puasa qada' hendaklah diniatkan pada waktu malam sebagaimana puasa ramadhan kerana ia adalah puasa yang wajib.

IKONSYABAB

12. Wajib bagi wanita hamil atau ibu yang menyusu yang meninggalkan puasa mengqada' puasa sebelum masuk Ramadhan yang seterusnya, jika terlambat, maka berlaku dua situasi;
    a) Jika melewatkan qada' puasa sehingga masuk Ramadhan seterusnya dengan kemampuan untuk qada', maka tetap diwajibkan qada' puasa tersebut mengikut bilangan hari belum diqada; serta diwajibkan fidyah mengikut bilangan hari yang belum diqada' kerana melewatkan qada' sehingga melangkau Ramadhan seterusnya.
    b) Jika melewatkan qada' sehingga masuk Ramadhan seterusnya kerana tiada kemampuan untuk qada', maka kekal diwajibkan qada' tanpa perlu membayar fidyah.
13. Jika seseorang melewatkan mengqada' puasa sehingga masuk Ramadhan seterusnya kerana **kejahilan tentang haram melewatkan qada** (sehingga melangkau Ramadhan seterusnya), tidak diwajikan ke atasnya kaffarah (fidyah) melainkan tetap wajib qada' puasa yang ditinggalkan.
14. Diharuskan bagi orang yang wajib mengqada' puasa untuk berpuasa sunat enam hari syawwal terlebih dahulu sebelum qada' jika sekiranya puasa yang ditinggalkan tersebut adalah dengan keuzuran syar'i.

IKONSYABAB

15. Sekiranya orang yang wajib mengqada'kan puasa kerana meninggalkan puasa tanpa keuzuran syar'I, maka diwajibkan dia mengqada' puasa terlebih dahulu sebelum berpuasa sunat enam hari syawwal. Jika dia berpuasa sunat enam syawal terlebih dahulu sebelum mengqada' puasa, maka puasa sunatnya sah, tetapi berdosa.
16. Orang yang mengqada' puasa pada bulan syawwal maka dikira sebagai telah menyelesaikan puasa qada'nya serta diharapkan pahala puasa bulan syawwal juga diterimanya kerana hadis yang menggalakan puasa sunat syawwal adalah bersifat umum tanpa mengaitkan dengan apa-apa puasa.
17. Hukum Ibu hamil atau ibu yang menyusu yang meninggalkan puasa qada' puasa selepas daripada masuk separuh daripada sya'ban adalah diharuskan kerana larangan untuk berpuasa selepas daripada separuh sya'ban adalah untuk puasa sunat, manakala puasa qada' adalah wajib.
18. Jika seseorang yang diwajibkan qada' puasa, kemudian meninggal dunia sebelum sempat mengqada' puasa, maka boleh berlaku dua situasi;
    a) Jika seseorang yang diwajibkan qada' dan meninggal dunia sebelum sempat qada' dalam keadaan dia berkemampuan untuk qada' maka di dalam mazhab terdapat dua pandangan; (Pertama) Wali berpuasa bagi mengqada'kan

IKON SYABAB

puasa bagi pihak simati. (Kedua) Dikeluarkan fidyah mengikut hari yang wajib diqada' yang ditinggalkan oleh simati.

b) Jika meninggal dalam keadaan tiada kemampuan untuk mengqada'kan puasa, maka tidak diwajibkan apa-apa termasuk qada' mahupun bayaran fidyah.

Abdul Hakim Othman

19 Ramadhan 1441H

12 April 2020

IKON SYABAB